

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/3/4 (4)
Tarikh : 16 April 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INDEN KERAJAAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kewangan melalui surat rujukan MOF. BPK(S) 600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2022 telah memberi penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan sehingga nilai kumulatif sebanyak RM1 juta bagi setiap perolehan bekalan dan perkhidmatan. **Seterusnya, Kementerian Kewangan memberi penurunan kuasa tersebut dipanjangkan kepada perolehan kerja Kerajaan seperti surat MOF.BPK(S)600-14/11/11Jld.6(42) bertarikh 3 Januari 2024 seperti yang dilampirkan.**

3. Justeru, selaras dengan penurunan kuasa yang diberikan oleh MOF **bagi senario perolehan kerja Kerajaan yang memerlukan kelulusan Akauntan Negara Malaysia**, proses permohonan adalah seperti berikut :

- i. PTJ mengemukakan permohonan yang terdiri daripada borang permohonan kelulusan khas mengikut format yang ditetapkan berserta dokumen sokongan yang lengkap (**Rujuk Lampiran**). Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui Kementerian dengan ulasan dan syor Pegawai Pengawal.
- ii. Bahagian Akaun Kementerian perlu mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap kepada JANM melalui e-mel :
 - a. Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP); dan
 - b. unit_prestasi@anm.gov.my

Salinan e-mel kepada :

- a. Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP); dan
- b. bkp_ps@anm.gov.my

- iii. JANM akan menyediakan dan mengemukakan kertas pertimbangan serta syor melalui Timbalan Akauntan Negara (Operasi) untuk pertimbangan dan kelulusan ANM.
- iv. Setelah mendapat kelulusan daripada ANM, pembayaran selanjutnya dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) menggunakan Arahan Pembayaran Dengan Pesanan dengan mencatat nombor rujukan kelulusan ANM pada Inden Kerajaan di sistem iGFMAS bagi tujuan pelaporan dan ketepatan penggunaan modul di sistem iGFMAS.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**



PERMOHONAN KELULUSAN KHAS PEMBAYARAN MELALUI INDEN KERAJAAN MANUAL

KEMENTERIAN:.....

A. Maklumat Utama (Dilaksanakan selaras dengan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.BPK(S) 600-14/11/11 Jld.6 (42) bertarikh 3 Januari 2024)		
1.	Nama Projek	
2.	Tahun Perolehan	
3.	Tempoh Kontrak	
4.	Jabatan	
5.	Nama PTJ	
6.	Vot	
7.	Nilai Projek (RM)	
8.	Tujuan Permohonan	A. Penggunaan Inden Kerajaan Manual <input type="checkbox"/> (Nilai kumulatif melebihi RM1 juta bagi setiap projek – tahun semasa dan melangkau dua (2) tahun) <input type="checkbox"/> (Nilai kumulatif kurang RM1 juta bagi setiap projek dan melangkau dua (2) tahun)
9.	Kronologi	

LAMPIRAN

10.	Justifikasi Ketidakpatuhan (sertakan dokumen sokongan berkaitan)	
11.	Implikasi Kewangan	
B. Ulasan dan Syor		
12.	Ulasan/syor Bahagian yang menyelaras projek	
	Tandatangan dan cap:	
13.	Ulasan/syor Bahagian Akaun Kementerian	
	Tandatangan dan cap:	
14.	Ulasan dan Syor Pegawai Pengawal	
	Tandatangan dan cap:	

C. Maklumat Pegawai Penyelaras		
1.	Nama Pegawai	
2.	Jawatan	
3.	Unit/Jabatan	
4.	No. Tel. Pejabat	
5.	No. Tel. Bimbit	
6.	E-mel Rasmi	

Dokumen Sokongan

- a. Inden Kerajaan Manual/Tanggungjawab Kontrak
- b. Surat Setuju Terima
- c. Perjanjian/Kontrak
- d. JKR 66
- e. Dokumen sokongan lain yang berkaitan